

Tribunal Pekerja Gig

Tribunal Pekerja Gig ditubuhkan bagi tujuan menyediakan forum khas untuk pekerja gig menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul antara pekerja gig dan entiti kontrak secara murah, mudah, dan cepat setelah penyelesaian tidak dapat dicapai melalui mekanisme aduan dalaman dan prosiding pendamaian. Selain itu, tribunal ini juga berfungsi untuk mendengar dan mengadili pertikaian secara bebas, adil, dan saksama, serta membantu mengimbangi hubungan antara pekerja gig dan entiti kontrak, seterusnya menggalakkan ekosistem pekerjaan gig yang lebih adil dan mampan.

Orang yang boleh mewakili pihak-pihak dalam kes di Tribunal Pekerja Gig adalah pekerja yang diberi kuasa mewakili entiti kontrak dan pegawai rasmi atau ahli persatuan pekerja gig yang diberi kuasa mewakili pekerja gig atau mana-mana ahli keluarga pekerja gig. Pihak-pihak tidak boleh diwakili oleh peguam.

Tiap-tiap Award yang dibuat oleh Tribunal adalah muktamad dan mengikat semua pihak. Pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Tribunal Pekerja Gig boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh empat belas hari dari tarikh Award itu diumumkan oleh Tribunal. Mana-mana pihak yang gagal mematuhi Award dalam tempoh yang dinyatakan oleh Tribunal adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya. Jika kesalahan itu berterusan, pesalah boleh, sebagai tambahan kepada penalti di atas, didenda tidak lebih daripada RM500.00 sehari bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan. Pihak-pihak boleh mengemukakan aduan untuk ketidakpatuhan award kepada Jabatan Tenaga Kerja yang terdekat.